

# senada

BULETIN UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA



*Mengilham Harapan  
Mencipta Masa Depan*

BIL. 387 | ISBN 0128-1742 | Mei 2014

## TPM: Islam Tolak Kebebasan Tanpa Batas

Halaman 3

Pakar Farmasi UKM  
Digesa Cipta Vaksin yang  
boleh diterima Semua  
Agama

Halaman 7

Di Sebalik Kehilangan  
MH370

Halaman 8

Roselle Merawat Kencing  
Manis

Halaman 18

## Pengurusan Universiti

### *Naib Canselor*

Prof. Datuk Dr. Noor Azlan Ghazali

### *Timbalan-timbalan Naib Canselor*

Prof. Ir. Dr. Riza Atiq Abdullah O.K Rahmat  
(Hal-ehwal Akademik dan Antarabangsa)

Prof. Datin Noor Aziah Mohd Awal  
(Hal-ehwal Pelajar dan Alumni)

Prof. Dato' Dr. Mazlin Mokhtar  
(Hal-ehwal Penyelidikan dan Inovasi)

Prof. Dato' Dr. Saran Kaur Gill  
(Hal-ehwal Jaringan Industri dan Masyarakat)

### *Pendaftar*

Puan Asmahan Musa

### *Bendahari*

Hj. Mohd. Abdul Rashid Mohd. Fadzil

### *Ketua Pustakawan*

Puan Hafsa Mohd

### *Editorial*

Prof. Madya Dr. Norzalita Abdul Aziz • Ketua Editor  
Abd. Razak Hussin • Timbalan Ketua Editor  
Datuk Ahmad Rejal Arbee • Editor Bersekutu  
Datin Saadah Hj. Ja'far • Editor Bersekutu  
Saiful Bahri Kamaruddin • Editor Bersekutu  
Nastura Nasir • Editor  
Nur Syafawati Kahar • Penolong Editor

### *Pengeluaran*

Anthony Ulek Anak Jeti • Senada elektronik  
Unit Foto PKK • Fotografi  
Sharmiza Zan • Percaka  
PKK • Pengedaran

SENADA elektronik boleh dicapai di:

<http://www.ukm.my/pkk>

Sidang Pengarang SENADA amat mengalui-alukan sumbangan daripada Fakulti/Institut/Pusat/Bahagian untuk diterbitkan di ruangan-ruangan tetap, berita semasa mahupun rencana yang berkaitan dengan urusan keilmuan dan aktiviti Universiti. Sila hantarkan bahan-bahan tersebut kepada:

### **Editor SENADA**

Pusat Komunikasi Korporat (PKK)  
Universiti Kebangsaan Malaysia  
43600 UKM Bangi, Selangor Darul Ehsan  
Tel: 8921 3544 / 8921 5151. Faks: 8921 4097  
mel-e: [pkk@ukm.my](mailto:pkk@ukm.my)

## Perutusan *Naib Canselor*

**S**etiap kali menjelang Mei, di universiti ini, dapat dirasakan aura ulang tahun UKM yang dirayakan pada setiap 18hb semenjak 44 tahun yang lalu. Pelbagai aktiviti dirancang dan dilaksanakan sempena ulang tahun walaupun sebelum tibanya tarikh keramat itu. Kehadiran UKM menerusi pelbagai aktiviti anjuran pusat tanggungjawabnya, tidak lagi hanya berlegar di dalam kampus sebaliknya sentiasa didorong untuk menjangkau sehingga kepada komuniti di luar khususnya yang berhampiran dengan kampus.



Buat saya, perayaan ulang tahun UKM ke-44 lebih bererti kerana tahun ini adalah tahun pertama saya menerajui UKM sebagai Naib Canselor. Justeru, majlis pelancaran yang diadakan pada 19 Mei memberi ruang kepada saya untuk menzahirkan pemikiran serta membentangkan agenda perjuangan kolektif untuk melonjakkan UKM kepada tahap yang lebih bermakna. Tanpa menafikan kepentingan kedudukan universiti pada kaca mata dunia, saya berasa lebih bertanggungjawab sekiranya universiti ini terus bergerak sebagai sebuah institusi yang merakam dan merasai denyut nadi rakyat dan masyarakat. Saya akan berasa lebih gembira sekiranya seluruh warga universiti terus insaf dan bersama berusaha menggembungkan kudrat dan kebolehan, menyubur hasrat dan kepakaran untuk menyelami dan mencari penyelesaian permasalahan yang dihadapi mereka.

Saya sentiasa mengajak setiap warga universiti, sama ada tenaga kerja, pelajar dan alumni untuk menginsafi bahawa kita mempunyai hutang sejarah kepada masyarakat dan negara. Saya harus terus mengingatkan bahawa tanpa pengorbanan dan kesedaran rakyat jelata 100 tahun lalu, tidak mungkin UKM boleh berdiri megah seperti pada hari ini. Maknanya ada impian dan harapan besar generasi pelopor itu terhadap universiti ini untuk memastikan kelangsungan budaya dan teras negara bangsa dipertahan dan diperjuangkan. Justeru, saya menghidupkan suatu ungkapan yang saya jangka dapat menyegarkan perjuangan ini agar terus bernyaya. Ungkapan tersebut ialah "UKM – Pendaulat Amanah Negara" yang saya berpendapat amat sesuai disebatkan dalam perjuangan sebuah universiti kebangsaan.

Universiti kini bukan lagi sebuah menara gading yang tidak terjangkau oleh masyarakat sebaliknya adalah sebuah institusi yang harus terus menjadi sandaran harapan mereka. Bagi saya, UKMlah universiti di negara ini yang paling perlu bersedia untuk menjelaskan impian dan harapan selain menjadi kebanggaan kerana menujuai pelbagai bidang keilmuan.

Salam hormat,

**Prof. Datuk Dr. Noor Azlan Ghazali**

# TPM: Islam Tolak Kebebasan Tanpa Batas

Oleh: Saiful Bahri Kamaruddin

Foto: Izwan Azman

Dalam usaha mengamalkan hak asasi manusia, keutamaan mesti diberi kepada akidah Islam, kata Timbalan Perdana Menteri Tan Sri Muhyiddin Yassin.

Berucap pada majlis penutup Kongres Pertubuhan Bukan Kerajaan (NGO) Islam di UKM yang berlangsung pada 28 Mei yang lalu, Tan Sri

Muhyiddin berkata umat Islam harus berwaspada terhadap arus pemikiran Barat yang mempertahankan kebebasan tanpa had apabila memperjuangkan hak asasi. Beliau berkata terdapat amalan Barat yang mengutamakan sekularisme dan liberalisme yang jelas bertentangan dengan keimanan Islam.

“Begitu juga dengan hak untuk berkahwin bagi pasangan berlainan agama serta mengamalkan gaya hidup gay, lesbian dan transgender,” katanya kepada lebih 2,000 perwakilan daripada 198 buah NGO dalam kongres yang dianjurkan oleh Yayasan Dakwah Islamiyah Malaysia (YADIM) dengan kerjasama UKM.

Muhyiddin berkata perbuatan itu adalah bertentangan dengan prinsip asas akidah Islam yang menyeru mereka memelihara keimanan dan ketakwaan terhadap Allah SWT.



Amalan LGBT adalah jelas bercanggah dengan syariat dan tidak diiktiraf sebagai hak yang perlu dipelihara di dalam Islam, katanya.

Muhyiddin juga menggesa NGO Islam merujuk kepada Deklarasi Kaherah 1990 mengenai Hak Asasi Manusia dalam Islam sebagai garis panduan untuk menggalakkan hak asasi manusia dalam konteks Islam.

“Saya percaya kandungan Deklarasi Kaherah boleh digunakan sebagai garis panduan oleh negara-negara Islam untuk mempromosikan pemahaman hak asasi manusia menurut perspektif Islam,” katanya.’

Tan Sri Muhyiddin kemudiannya menerima resolusi kongres daripada Naib Pengurus Himpunan Keilmuan Islam (HAKIM), Wan Ahmad Fayhsal Wan Ahmad Kamal.

Antara lain resolusi itu menggesa kerajaan menggunakan kuasa yang termaktub dalam Perlembagaan Persekutuan sebagai sangga kepada keutuhan agama serta menuntut umat Islam di negara ini bersatu tanpa mengira fahaman politik.

NGO Islam, termasuk YADIM dan HAKIM, katanya, mempunyai peranan yang amat penting dalam memberikan penjelasan kepada masyarakat tentang konsep hak asasi manusia di dalam Islam.

Turut hadir pada majlis tersebut Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi ), Prof. Dato’ Dr .Mazlin Mokhtar, Yang Dipertua YADIM Senator Datuk Dr. Asyraf Wajdi Dusuki, Penggerusi Majlis Tindakan Ekonomi Negeri Selangor, Datuk Seri Noh Omar dan Ketua Pengarah Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (Jakim), Datuk Othman Mustapha.

# Pelajar Farmasi UKM Juara Cabaran Farmasi Klinikal Kebangsaan

Oleh: Athirah Abdul Aziz (Pelatih UiTM)

Foto: Shahiddan Saidi

Pelajar Farmasi UKM telah menjuarai pertandingan Cabaran Farmasi Klinikal Kebangsaan (NCPC) yang telah berakhir pada 18 Mei yang lalu.

Tempat kedua dimenangi pasukan dari Universiti Perubatan Antarabangsa Malaysia (IMU) manakala Cyberjaya University College of Medical Sciences (CUCMS) menduduki tempat ketiga.

Peserta individu terbaik dimenangi oleh Tiffany Soon Huey Ling dari Kumpulan A IMU.

Inilah merupakan julung kalinya cabaran itu diadakan dengan tema ‘Meningkatkan Kemahiran Klinikal, Memajukan Penjagaan Pesakit’. Cabaran yang berlangsung selama tiga hari itu dianjurkan oleh Fakulti Farmasi UKM dan Persatuan Mahasiswa Fakulti Farmasi (PMFFAR) dengan kerjasama Persatuan Mahasiswa UKM (PMUKM).

Pemenang membawa pulang trofi, beg hadiah dan sijil pencapaian manakala peserta lain menerima sijil dan beg hadiah. Hadiah dan anugerah

pertandingan tiga hari itu disampaikan oleh Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni), Prof. Datin Noor Aziah Mohd Awal pada majlis penutupnya.

Juri hakim terdiri daripada wakil Kementerian Kesihatan Malaysia, UKM, Monash University, UIAM, CUCMS dan IMU.

UKM dan IMU masing-masing menghantar dua pasukan untuk mengambil bahagian dalam acara tersebut tetapi hanya Kumpulan A dari kedua-dua universiti yang berjaya menjadi pemenang.

Dekan Fakulti Farmasi UKM, Prof. Dr. Ibrahim Jantan berkata

pelajar farmasi dari seluruh negara telah mengambil bahagian dalam pertandingan peringkat kebangsaan itu. Ia bertujuan membantu menghasilkan graduan yang cekap, beretika serta dapat mengintegrasikan pengetahuan dan kemahiran mereka dengan tanggungjawab sosial.

Beliau berkata ia diadakan untuk membantu pelajar menimba pengalaman serta mengukuhkan kemahiran komunikasi mereka. NCPC ditaja oleh BP Healthcare Group, CCM Pharmaceuticals Sdn Bhd, Dayawan Trading, Persatuan Pelajar Farmasi Malaysia (MUPSA), PitaBerry Sdn. Bhd dan Y.S.P. Industries (M) Sdn Bhd.



Wajah-wajah juara: Pelajar Farmasi UKM bersama Dekan Fakulti Farmasi, Prof. Dr. Ibrahim Jantan

# Fakulti Pendidikan Juarai Pertandingan Keusahawanan

Oleh: Saiful Bahri Kamaruddin

Foto: Shahiddan Saidi



Pasukan Juara dari Fakulti Pendidikan bersama hadiah yang dimenangi

Fakulti Pendidikan muncul Juara Keseluruhan meraih piala pusingan bagi pertandingan Hari Keusahawanan dan Inovasi yang dianjurkan Pusat Pembangunan Keusahawanan dan EKS UKM (UKM-CESMED) di Dewan Canselor Tun Abdul Razak (DECTAR) pada 27 Mei yang lalu. Seramai 3,000 orang pelajar dari kesemua 13 fakulti mengambil bahagian melalui 23 jenis perniagaan dalam pertandingan itu.

Sejumlah hampir 600 Syarikat Simulasi perniagaan telah mereka wujudkan untuk bersaing dalam empat kategori pertandingan dalam acara tahunan yang bermula sejak 2011 yang lalu. Fakulti Pendidikan membolot ketiga-tiga tempat teratas bagi kategori Simulasi Perniagaan Mogul dan

sekaligus dinobatkan sebagai juara keseluruhan pertandingan.

Kategori Business Concept dimenangi oleh Fakulti Ekonomi dan Pengurusan manakala Fakulti Sains dan Teknologi muncul naib juara dan Fakulti Kejuruteraan dan Alam Bina memenangi tempat ketiga.

Bagi Pertandingan *One-Minute Business Pitching*, syarikat Carameo Enterprise mendapat tempat pertama dengan syarikat Gogo Steamex tempat kedua manakala tempat ketiga dimenangi Mudzalifah Enterprise. Fakulti Pendidikan telah menjuarai pertandingan Rekaan Poster dengan Fakulti Teknologi dan Sains Maklumat memenangi tempat kedua dan Fakulti Sains Kesihatan jatuh ditempat ketiga.

Pengarah CESMED Prof. Mohd Fauzi Mohd Jani berkata program itu bertujuan memupuk minat pelajar terhadap bidang keusahawanan serta mendidik mereka mempunyai sikap inovatif, kreatif dan berdaya saing.

Prof. Fauzi berkata buat masa ini, UKM-CESMED menawarkan empat kursus kepada semua pelajar UKM dan semua tenaga pengajarnya terdiri daripada kalangan felo UKM-CESMED dari semua fakulti di UKM yang mengajar kursus keusahawanan. "Program itu disusun sebegini rupa bagi membolehkan pelajar terdedah kepada ilmu keusahawanan supaya apabila berada di tahun akhir pelajar mampu menubuh dan menjalankan syarikat mereka sendiri," katanya ketika berucap di majlis pelancarannya.

# UKM Bantu Melatih Kakitangan Awam Sri Lanka

Oleh: Athirah Abdul Aziz (Pelatih UiTM)

Foto: Ra'ai Osman



Kakitangan awam dari Sri Lanka yang mengikuti program di UKM



Pesuruhjaya Tinggi Sri Lanka Ibrahim Ansar memuji UKM kerana bersedia melatih kakitangan kerajaannya dalam program dua minggu Lawatan Sambil Belajar ke Malaysia. Berucap pada majlis perasmian program itu yang berlangsung 27 Mei yang lalu, beliau berkata kerjasama itu menunjukkan hubungan rapat antara kedua-dua negara, terutamanya dengan UKM.

Sri Lanka kini sedang menimbaangkan kerjasama antara kerajaan dengan agensi kedua-dua negara. Penyertaan pegawai awam dari Institut Pentadbiran Pembangunan Sri Lanka

(SLIDA) untuk rancangan itu telah membantu mengukuhkan keazaman UKM melipatgandakan usahanya untuk mengadakan kerjasama antarabangsa.

Pusat Pengajian Perniagaan Siswazah (UKM-GSB) berhasrat meluaskan kerjasama dengan institusi dari luar negara untuk meningkatkan kerjasama antarabangsanya.

Kerjasama tersebut dimulakan dengan mengadakan kursus dua minggu kepada 36 orang pegawai awam dari SLIDA untuk meningkatkan keupayaan perkhidmatan awam Sri Lanka.

Kursus itu juga bertujuan meningkatkan prestasi kepimpinan dan kemahiran pengurusan awam peserta. Dekan UKM-GSB, Prof. Dr. Izani Ibrahim berkata UKM mensasarkan

pelaksanaan pendidikan bertaraf dunia dan penyelidikan dengan perspektif yang kukuh di Asia Tenggara.

Program itu diadakan sebagai lanjutan daripada lawatan Setiausaha kepada Presiden Sri Lanka, Lalith Weeratunga pada September 2013 yang telah menyampaikan ceramah awam mengenai usaha memperkasa semula perkhidmatan awam di negara tersebut.

Prof. Izani berharap kerjasama sedemikian berpotensi mewujudkan peluang untuk pembangunan pengetahuan dan berkongsi pengalaman.

Kehadiran pegawai-pegawai Sri Lanka di UKM telah membuktikan bahawa kedua-dua negara memberi perhatian berat terhadap pembangunan modal insan untuk mewujudkan persekitaran yang mesra perniagaan dan meningkatkan pembangunan sosio-ekonomi, kata Prof. Izani.

# Pakar Farmasi UKM Digesa Cipta Vaksin Yang Boleh Diterima Semua Agama

Oleh: Saiful Bahri Kamaruddin

Foto: Shahiddan Saidi

Suatu vaksin untuk demam selesema atau influenza yang dapat di terima oleh penganut semua agama harus di cipta oleh penyelidik farmasi di UKM.

Timbalan Naib Canselor (Pelajar dan Hal Ehwal Alumni) Prof. Datin Nor Aziah Mohd Awal berkata terdapat sejumlah umat Islam dan Hindu yang curiga terhadap beberapa jenis vaksin atau ubat-ubatan yang diberikan secara percuma oleh kerajaan.

Prof. Nor Aziah seorang profesor undang-undang berkata di bawah Akta Kanak-Kanak 2001 setiap kanak-kanak mempunyai hak untuk menerima rawatan apabila disediakan untuk menjaga kesihatan mereka.

Akta itu memperuntukan sesiapa yang enggan membawa anak mereka untuk diberi suntikan apabila sesuatu wabak berlaku di negara ini atau di luar negara boleh didakwa di mahkamah kerana mengabaikan kewajipan kepada orang tanggungan.

Bagaimanapun terdapat persepsi bahawa sesetengah vaksin mungkin mengandungi sebatian yang berasal daripada khinzir atau lembu masih berterusan dan menimbulkan syak



Prof. Datin Nor Aziah Mohd Awal

wasangka dan juga bantahan secara terang-terangan terhadap rawatan yang diberikan.

Beliau menggesa vaksin yang dapat diterima umum dan tidak mempunyai sebatian organik haiwan dihasilkan. Dari pandangan Islam adalah wajib bagi ahli sains mencari penawar yang dijamin ‘halal’ untuk semua.

“Ia bukan lagi Fardhu Kifayah, ia menjadi Fardhu Ain untuk mencari penawar sesuai,” kata Prof. Nor Aziah. Ahli farmasi juga berkewajipan untuk memberi kaunseling kepada pesakit dan pengguna mengenai penggunaan ubat-ubatan untuk mengelakkan salah faham yang boleh mendatangkan akibat buruk.

Undang-undang negara menetapkan dengan jelas bahawa mana-mana penawar atau ubat mesti menyatakan dengan jelas keberkesanannya kepada pesakit. Kegagalan mematuhi akuan yang dibuat oleh syarikat farmaseutikal dalam iklan mereka juga adalah suatu kesalahan di sisi Undang-Undang Kontrak.

“Saya serta setiap pelajar Undang-Undang tentu akan ingat kes terkenal pertama melanggar Undang-undang Kontrak dari segi perubatan di mana sebuah syarikat perubatan telah disaman oleh pesakit selepas menggunakan produk ‘Bola Asap’ untuk demam selesema di Britain pada tahun 1891.”

Prof. Nor Aziah merujuk kepada keputusan kes Carlill lawan Syarikat Carbolic Smoke Ball (1892) itu dalam Undang-Undang kontrak British oleh Mahkamah Rayuan, yang menyatakan bahawa pihak yang menawarkan sesuatu dalam iklan mereka terikat dengan tawaran itu.

Turut hadir pada majlis itu Dekan Fakulti Farmasi Prof. Dr. Ibrahim Jantan, Timbalan Dekan Prof. Dr. Mohd Cairul Iqbal Mohd Amin dan Naib Presiden Persatuan Farmasi Malaysia Abida Syed M Haq.

# Di Sebalik Kehilangan MH370

Oleh: Shahfizal Musa

Foto: Shahiddan Saidi



**T**ragedi kehilangan kapal terbang MAS MH370 menimbulkan banyak persoalan tetapi ia juga telah menonjolkan pelbagai isu seperti keselamatan, media, hubungan antarabangsa dan psikologi rakyat Malaysia sebagai satu masyarakat dan dunia sebagai masyarakat global. Perkara ini telah dibincangkan dalam forum anjuran Institut Kajian Malaysia & Antarabangsa (IKMAS) di UKM yang berlangsung pada 16 Mei yang lalu.

Prof. Dr. Ruhanas Harun dari Universiti Pertahanan Nasional Malaysia (UPNM) berkata MH370 adalah lebih daripada hanya sebuah pesawat yang hilang kerana ia menguji keupayaan Kerajaan Malaysia menjana sokongan antarabangsa untuk misi mencari dan menyelamat. Sokongan antarabangsa sedemikian tidak mungkin diperolehi tanpa wujudnya kedudukan mantap urusan diplomasi Malaysia.

Beliau berkata banyak isu politik seperti kedaulatan dan perbedaan

politik telah timbul, namun Kerajaan Malaysia berjaya mengatasi masalah itu untuk mendapatkan sokongan banyak negara asing.

Prof. Ruhanas bagaimanapun mengakui bahawa ada ruang untuk penambahbaikan khususnya kerana peristiwa itu telah menunjukkan kelemahan keselamatan ruang udara negara.

Beliau berkata pihak tentera telah mengesas MH370 mengubah arah laluan penerbangannya tetapi tidak mengambil sebarang tindakan kerana pihak tentera terlalu berpegang kepada protokol yang ketat untuk mengambil tindakan selanjutnya.

Beliau membandingkan kejadian itu dengan bencana kemanusiaan dan bagaimana pelbagai negara bersatu untuk menghulurkan bantuan. Walau bagaimanapun terdapat banyak isu seperti keselamatan telah timbul di peringkat antarabangsa dan telah dapat ditangani oleh Malaysia dengan baik. Prof. Lee Poh Ping seorang pakar

kajian China dari Universiti Malaya (UM) membuat analisis kesan peristiwa itu terhadap hubungan Malaysia dan China.

Walaupun berlaku tuduhan Malaysia tidak telus dan tidak cekap dilemparkan oleh rakyat China, Malaysia masih penting untuk negara China.

China adalah rakan perdagangan Malaysia yang terbesar dan China juga tidak mahu Malaysia berpaling untuk menjadi terlalu pro Amerika. Malaysia adalah penting untuk China kerana lokasinya strategik yang mana Selat Melaka adalah laluan penting bagi China untuk bekalan minyak yang amat diperlukannya demi perkembangan ekonominya.

Namun begitu beliau juga menyorot kepada laporan yang mengatakan bahawa jumlah pelancong China ke Malaysia telah merosot sebanyak 30 peratus sejak peristiwa itu.

Beliau juga menolak teori kononnya



Dari kiri: Prof. Lee Poh Ping, Prof. Zaharom Nain dan Prof. Dr. Abd Halim Mohd Hussin

MH370 menjadi mangsa kerana ia membawa rahsia teknologi dron terkini Amerika untuk dihantar ke China. Prof. Zaharom Nain dari Nottingham University Malaysia menempelak kelemahan media tempatan hingga menjelaskan liputan mereka terhadap peristiwa itu.

Beliau berkata kawalan amat ketat pemerintah ke atas media arus perdana dengan kewujudan pelbagai undang-undang yang mengongkong kebebasan media. Ini membuatkan wartawan tempatan dari media arus perdana hanya dapat bertindak sebagai pencatat peristiwa dengan menuapkan berita versi pemerintah semata-mata.

Beberapa media arus perdana juga tidak membantu keadaan. Wartawan mereka tidak berupaya bertanya soalan-soalan yang harus dikemukakan. Beliau juga mendakwa wartawan yang berani berbuat demikian penulisan mereka tidak akan digunakan atau disiarkan setelah diolah semula. Bagi beliau kewartawanan Malaysia sudah tidak lagi menjadi satu profesyen, sebaliknya satu pekerjaan sahaja.

Dengan sebab pihak berkuasa hanya biasa dengan wartawan yang telah dijinakkan dan menurut perintah ia membuatkan pihak berkuasa tidak dapat menangani soalan dari media asing dengan baik apabila berhadapan dengan mereka.

Kelemahan tersebut menyebabkan banyak kritikan yang dibuat terhadap keupayaan pihak kerajaan dalam menangani isu tersebut.

Pengarah Jabatan Psikologi di Jabatan Perkhidmatan Awam Malaysia Prof. Dr. Abd Halim Mohd Hussin juga mempunyai isu dengan media.

Beliau ditugaskan untuk menjaga kesihatan psikologi keluarga terdekat mangsa penumpang MH370 dan mendapati media telah memburukkan lagi keadaan psikologi mereka dengan berterusan kerana mahu mengajukan soalan.

Keluarga terdekat mangsa sedang berhadapan dengan keadaan yang dikenali sebagai '*ambiguous loss*' atau kehilangan tidak menentu. Dalam keadaan kehilangan biasa seseorang akan melalui proses bersedih dan menerima realiti. Akhirnya mereka redha dengan kehilangan tersebut.

Namun dalam kes MH370 kehilangan yang mereka alami disertai dengan harapan besar bahawa keluarga dan orang tersayang akan kembali. Apabila media berusaha juga untuk mengajukan soalan seperti "bagaimana perasaan anda" membuatkan



Prof. Dr. Ruhanas Harun

keluarga sentiasa mengenang kembali kehilangan mereka. Ini sama sekali tidak membantu usaha memulihkan perasaan mereka itu.

Beliau telah menerima panggilan daripada seorang wanita, keluarga seorang penumpang merayu agar beliau dapat menghalang pihak media pergi ke rumahnya sedangkan beliau baru sahaja cuba mententeramkan trauma yang dialami dan tidak mahu diganggu.

Forum itu berakhir dengan semua panelis bersetuju terdapat pelbagai kelemahan dari semua pihak yang harus ditangani.

Presiden Persatuan Sains Sosial Malaysia Prof. Dr. Hazim Shah dan Pengarah IKMAS Prof. Dr. Rashila Ramli, pelajar dan orang ramai telah menghadiri forum itu.

# Aktiviti Sepanjang Bulan Mei





1. 6 Mei 2014 - Media Event to Showcase Research
2. 8 Mei 2014 - Academic Seminar Series *The Art And Craft Of Science*
3. 22 Mei 2014 - Khidmat Masyarakat UKM di Aceh Tengah
4. 10 Mei 2014 - Majlis Penutup Keselamatan dan Komuniti Polis
5. 19 Mei 2014 - Majlis Sambutan Ke- 44 Tahun UKM dan Pelancaran SPB 5S(SPKP)
6. 11 Mei 2014 - UKM Mountain Bike Charity Challenge
7. 3 Mei 2014 - Ulangtahun Fakulti Sains Kesihatan Bersekutu (FSKB) ke-30
8. 14 Mei 2014 - *Welcoming Dinner Asia Pacific Regional Law Deans Forum 2014*

## BICARA FOTOGRAFI

bersama Raai Osman, Pusat Komunikasi Korporat  
<http://www.flickr.com/photos/raai58/>



# Komposisi - Latar Depan

Latar depan dihasilkan agar gambar kelihatan seperti sebuah tingkap berhias dengan gadis manis menengok keluar memandang ke arah laman rumah.

Menghasilkan latar depan gambar akan kelihatan lembut dan kurang tekanan. Latar depan juga mampu memberikan perhatian spontan kepada sesiapa sahaja yang melihat gambar anda.

Merakam gambar bunga-bungaan dengan latar depan daun hijau adalah satu kelebihan. Begitu juga dengan latar depan susunan bunga-bungaan pada potret pengantin, pastinya pengantin tersebut akan kelihatan lebih menarik.

Banyak subjek yang boleh dijadikan latar depan pada gambar anda. Pilih latar depan yang berkaitan dengan subjek utama. Selamat mencuba.




Daun hijau menjadi latar depan pada Bunga Raya



Rama-rama berlatar depan bunga liar.



Cabaya matahari awal pagi (Sunrise) berlatar depan dawai pagar berduri menghasilkan sebuah kisah duka seorang yang dipenjarakan.



Batu kecil menjadi latar depan pada batu-batuan di persisiran pantai.



# Kami Yang Hilang (Rayuan MH370)

*Kehilangan kami...  
diselubungi misteri  
membingungkan pencari  
menjadi berita sensasi  
menimbulkan spekulasi  
menzahirkan simpati  
merangsangkan empati  
menyemarakkan emosi  
mencetuskan rasa sangsi.*

*Pencarian kami...  
tidak kelebihan di daratan  
tidak ditemui di dalam hutan  
tidak terapung di atas lautan  
tidak tenggelam di dalam lautan  
tidak mungkin mendarat di bulan  
tidak pasti disorok orang bunian  
tiap petunjuk memberi harapan  
tapi berakhir dengan kekecewaan  
tiap pencarian harapkan penemuan  
tapi berakhir dengan kehampaan.*

*Di manakah kami?  
hingga kini tiada siapa tahu  
mulanya ramai ingin tahu  
mulanya ramai ambil tahu  
kini ramai tidak ingin tahu*

*kini ramai buat tidak tahu  
mungkin ada yang tahu  
tapi tidak ingin beritahu.*

*Rayuan kami...  
carilah kami setulus hati  
siang malam kami menanti  
doakan kami sihat sejahtera  
selamatkan kami dengan segera  
tamatkanlah segala kesengsaraan  
tidak tertanggung lagi penderitaan  
kami rindukan mereka yang tersayang  
wajah mereka selalu terbayang-bayang  
selagi hayat kami dikandung badan  
kami akan terus menaruh harapan  
selagi belum terbukti kematiian  
teruskan segala usaha pencarian  
dengarlah rayuan kami yang hilang  
cari dan bawalah segera kami pulang.*

**Nasri Nasir**  
Fakulti Kejuruteraan & Alam Bina.

# GST Dijangka Boleh Jana RM8 Billion Hasil Tambahan

Oleh: Athirah Abdul Aziz

Foto: Raai Osman

Cukai Barang dan Perkhidmatan (GST) sebenarnya bukanlah suatu cukai baru tetapi adalah kaedah cukai yang diperbaharui dan disempurnakan hingga dijangka dapat menjana penambahan sejumlah RM8 bilion kepada pendapatan negara.

Timbalan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Datuk Ir. Hj. Hamim Samuri berkata GST akan digunakan untuk memungut cukai yang kerajaan telah gagal menerima daripada transaksi perniagaan antara pengguna dan peruncit, pemborong, dan pengeluar.

Berucap di acara Majlis Anugerah Pelajar dan Malam Amal Kolej Keris Mas, UKM pada 30 Mei yang lalu, Datuk Hamim berkata GST dan Perjanjian Perkongsian Trans-Pasifik (TPPA) merupakan antara langkah kerajaan untuk menjana pendapatan lebih kepada negara.

Beliau berkata Malaysia adalah negara ketiga di Asia, selepas Hong Kong dan Singapura, yang banyak bergantung kepada perdagangan antarabangsa untuk menjana pendapatan negara. Pada tahun lalu, hampir RM1.4 trilion pendapatan negara diperolehi daripada perdagangan antarabangsa dan eksport.

Walau bagaimanapun, mulai tahun hadapan Skim Keistimewaan Teritlak (GSP) bagi barang eksport Malaysia ke Kesatuan Eropah dan Kanada akan dimansuhkan kerana Malaysia telah

menjadi sebuah negara yang hampir maju. Ketiadaan keistimewaan ini akan mengakibatkan cukai yang lebih tinggi dikenakan ke atas barang yang negara-negara itu impot dari Malaysia.

Beliau berkata TPPA akan diberi pertimbangan yang sewajarnya dengan mengambil kira perkara seperti kedaulatan negara. Ini bermakna rakyat Malaysia tidak perlu bimbang kerana hal itu akan diberi perhatian serius sebelum perjanjian itu ditandatangani. Jika negara-negara yang menganggotai TPPA seperti Australia, New Zealand, Brunei dan Vietnam bersetuju dengan syarat yang dikenakan oleh Malaysia, ia akan mendapat peluang untuk menerima keistimewaan GSP dari negara-negara TPPA.

Datuk Hamim telah menyampaikan penjelasan mengenai GST dan TPPA itu bagi pihak Perdana Menteri, Dato' Sri Najib Tun Razak yang juga Menteri Kewangan dengan harapan rakyat boleh melihat kedua usaha kerajaan untuk menjana pendapatan yang lebih kepada negara melalui kaedah yang lebih rasional dengan pandangan terbuka.

Beliau memuji pelajar kolej kediaman Keris Mas kerana memiliki ciri-ciri keupayaan untuk berfikir secara rasional dan menjalankan penyelidikan yang berasaskan fakta. Pelajar universiti, katanya, mestи berupaya



Datuk Ir. Hj. Hamim Samuri

untuk menonjolkan kebolehan memasarkan diri mereka dalam bentuk kemahiran berfikir secara kreatif kerana kemahiran demikian boleh membantu mewujudkan impak untuk pembangunan negara.

Acara yang bertemakan “Magical Winter Wonderland: Hati Lukisan Malam, Realiti Bagai Mimpi Yang Indah” telah berlangsung di Dewan Canselor Tun Abdul Razak (DECTAR) di mana anak-anak yatim daripada Rumah Amal Limpahan Kasih menjadi tetamu khas.

Acara ditaja oleh Kementerian Kewangan Malaysia, Kementerian Pengajian Tinggi, Les’ Copaque Production Sdn Bhd, Qaira Hijab Malaysia Online Store, Samihah Closet, Kedai Pakaian Padieka Raccolta, Arif Bakar Creative Design dan ByFatinSuhana Online Store.

# Karnival Pendengaran UKM Berjaya Kumpul RM250,000

Oleh: Shahfizal Musa

Foto: Shahiddan Saidi



Sebahagian syarikat besar hasil sumbangan yang diberikan kepada Klinik Audiologi UKM

**K**linik Audiologi UKM di sini berjaya mengumpul bantuan wang tunai dan peralatan pendengaran berjumlah RM250,000 di karnival pendengarannya pada 15 Mei yang lalu.

Bantuan itu berjaya dikumpul dari 26 buah syarikat termasuk Siemens Malaysia yang menghulurkan bantuan alat pendengaran berjumlah RM80,000 apabila ia menderma RM50 bagi setiap pusingan mengelilingi Taman Tasek Titiwangsa oleh peserta yang menyertai larian amal mengelilingi tasik itu.

Karnival itu dianjurkan oleh Klinik Audiologi UKM untuk mengutip derma bagi membantu pesakit yang mempunyai masalah pendengaran untuk mendapatkan rawatan dan alat bantuan pendengaran.

Ketua Program Audiologi Dr. Rafidah Mazlan berkata kos rawatan dan

alat pendengaran boleh mencecah ribuan ringgit dan kutipan itu akan dapat membantu klinik menyediakan peralatan itu kepada pesakit yang tidak mampu.

Bantuan itu juga membolehkan pakar menumpu perhatian kepada rawatan sepenuhnya tanpa perlu berfikir bagaimana dapat menolong pesakit mendapatkan rawatan dan alat yang diperlukan.

Walaupun pendengaran bukanlah penyakit yang boleh membawa maut tetapi ia menjelaskan kualiti hidup seseorang. Masalah itu tidak kelihatan dan ramai orang tidak sedar terhadap kecacatan orang yang mempunyai masalah pendengaran.

Beliau berkata pendengaran tidak dapat dilihat tetapi impaknya dapat dirasakan kerana ia boleh menjelaskan pembelajaran, pekerjaan dan juga dalam komunikasi.

Orang yang mempunyai masalah pendengaran kadangkala tidak diberi peluang untuk memberi sumbangan walaupun mereka mempunyai kebolehan yang lebih baik daripada orang normal.

Masalah komunikasi juga menghalang tahap penglibatan mereka dalam komuniti dan di tempat kerja. Bagaimanapun masalah itu dapat diatasi dengan bantuan alat pendengaran bagi kebanyakan pesakit dan masalah pendengaran pada kanak-kanak dapat dipulihkan dengan implan koklear.

Implan Koklear juga dikenali sebagai telinga bionik yang boleh membantu kanak-kanak dan sesetengah orang dewasa untuk mendengar kembali sama ada mereka dilahirkan tanpa pendengaran ataupun yang kehilangan pendengaran kemudian.

# Syor Untuk Kurangkan Keracunan Makanan Di Sekolah

Oleh: Athirah Abdul Aziz (Pelatih UiTM)

Foto: Ikhwan Hashim

**S**emua peralatan memasak dan pinggan mangkuk yang digunakan di kantin sekolah perlu dibilas dengan air panas selepas dibasuh untuk mencegah kejadian keracunan makanan.

Penyelidik UKM Norul Hajar Nordin, pelajar pascasiswazah dari Institut Alam Sekitar dan Pembangunan berkata keracunan makanan berlaku dalam kalangan murid sekolah kerana terdapat pencemaran pada alat pengendalian makanan seperti peralatan dapur di kantin sekolah. Demikian juga tangan pekerja yang memegang dan menghidangkan makanan yang tidak bersih boleh mencemarkan kebersihan makanan yang dihidangkan.

Norul Hajar berkata demikian ketika membentangkan kertas penyelidikan mengenai Keracunan Makanan pada Persidangan ke-4 Habitat Manusia dan Alam Sekitar yang berlangsung pada 14 Mei yang lalu.

Beliau berkata Kementerian Kesihatan dan Kementerian Pendidikan telah menubuhkan sebuah jawatankuasa bersama mengenai Rancangan Kesihatan Sekolah atas cadangan UKM sebagai langkah untuk menangani masalah murid sekolah terus dilanda keracunan makanan. Norul Hajar berkata pada 2011, terdapat 220 kes keracunan makanan di sekolah melibatkan sehingga 8,010 orang pelajar, maklumat angka yang mencemaskan.



Norul Hajar Nordin

Kes murid terkena keracunan terus sahaja berlaku tahun lalu di kebanyakan sekolah baik sekolah rendah mahu pun menengah. Keracunan makanan di sekolah adalah disebabkan kekotoran persekitaran kantin sekolah dan pengurusannya yang lemah.

Dalam kertas kerjanya bertajuk Garis Panduan Kantin Sekolah Untuk Hidup Lebih Baik Ke Arah Meningkatkan Kualiti Hidup Antara Pelajar Sekolah, Norul Hajar berkata sebuah buku garis panduan kantin sekolah telah disediakan oleh pasukan penyelidik UKM yang diajgotainya.

Buku itu menetapkan pelbagai panduan untuk mewujudkan persekitaran kantin sekolah yang bersih dan pengurusannya yang betul. Garis panduan itu menetapkan pekerja kantin perlu mengekalkan kebersihan

diri semasa mengendalikan makanan, terutamanya kebersihan tangan.

Tangan pekerja hendaklah bersih semasa mengendalikan makanan kerana ia boleh menghalang sehingga 34 peratus jangkitan bakteria e-coli. Norul Hajar berkata antara cadangan lain bagi menentukan kebersihan kantin sekolah adalah kebersihan kemudahan, peralatan dan kelengkapannya serta kebersihan persekitaran kawasan makan. Buat masa ini kantin sekolah tidak disyaratkan membilas semua peralatan memasak dengan air panas setelah dibasuh.

Kemudahan kantin, kata Norul Hajar, seperti tandas, sinki membasuh tangan dan tong sampah mesti bersih dan tidak berbau.

Persekitaran kantin seperti lantai, dinding, siling dan longkang mesti dibersihkan setiap hari kerana kawasan kerja sentiasa terdedah kepada mikro organisma patogen dan bukan patogen yang boleh menyebabkan pencemaran silang pada makanan.

Persidangan itu adalah anjuran bersama Institut Alam dan Tamadun Melayu (ATMA), Pusat Penyelidikan Sains dan Governans Kelestarian (SGK) Institut Alam Sekitar dan Pembangunan (LESTARI) dan Persatuan Pengurusan Alam Sekitar (EMS).

# Daun Kadok: Harapan Baru Untuk Rawatan Osteoporosis

Oleh: Saiful Bahri Kamaruddin

Foto: Ikhwan Hashim

**S**ejenis daun tumbuhan yang biasa digunakan dalam masakan Melayu mengandungi anti-oksidan yang mungkin boleh membantu melindungi tulang dari dilanda penyakit osteoporosis.

Penyelidik UKM Dr. Elvy Suhana Mohd Ramli dan pasukan penyelidiknya mendapati bahawa daun kadok atau piper sarmentosum mengandungi bahan penawar untuk mencegah retak tulang dan mempercepatkan penyembuhan retakan tulang.

Dr. Elvy Suhana memberitahu bahawa daun kadok berupaya menghalang ungkapan gen dalam tisu adipos dan tulang yang membuat struktur tulang menjadi rapuh. Kajian yang dijalankan oleh beliau dan pasukannya ke atas tikus menunjukkan bahawa ciri-ciri anti-oksida melalui sebatian flavonoids iaitu naringenin bertindak membantu sistem pertahanan antioksidan endogen untuk melindungi tulang daripada osteoporosis.

Pasukannya itu terdiri dari Prof. Dr. Ima Nirwana Soelaiman, Prof. Dr. Fariyah Suhaimi, Prof. Dr. Srijit Das, Prof. Dr. Ahmad Nazrun Shuid dan Dr. Siti Fadziyah Mohd Asri. Mereka telah memberi tumpuan kepada kesan penawar pati daun kadok terhadap penyembuhan tulang retak pada tikus yang ovari mereka dikeluarkan dan kesan perlindungan terhadap tikus yang menghidapi osteoporosis akibat glukokortikoid.

Daun Kadok digunakan sebagai bahan dalam makanan tradisional di Asia Tenggara dan secara tradisi digunakan untuk merawat pelbagai penyakit seperti keradangan, dermatitis dan sakit sendi. Dr. Elvy Suhana berkata bahawa osteoporosis adalah satu masalah kesihatan yang meluas. Osteoporosis adalah suatu penyakit kehilangan jisim dan kekuatan tulang yang membawa kepada peningkatan risiko patah, biasanya terhadap wanita yang putus haid.

Rawatan glukokortikoid adalah punca utama osteoporosis sekunder. Tindakan glukokortikoid dalam tulang bergantung kepada ungkapan jenis 1 enzim 11beta - hydroxysteroid dehydrogenase ( $11\beta$  - HSD1). Keadaan kekurangan estrogen menyebabkan osteoporosis kerana peningkatan osteoclastogenesis oleh tekanan oksidatif yang membawa kepada penyerapan kalsium dan mineral lain dari tulang ke darah.

Kajian terbaru mendapati bahawa pati daun kadok mempunyai keupayaan untuk menghalang ungkapan dan aktiviti  $11\beta$  - HSD1 dalam tisu adipos dan tulang serta dapat memulihkan struktur tulang. Ia juga mempercepatkan penyembuhan patah apabila estrogen berkurangan melalui sifat antioksidannya.

Kos rawatan konvensional adalah tinggi dan terdapat kesan sampingan yang tidak menggalakkan sesetengah doktor dan pesakit daripada menggunakan ubatan yang terdapat di pasaran.

Dr. Elvy Suhana berkata rawatan menggunakan herba mempunyai potensi dan perlu diterokai kerana ia bukan sahaja murah bahkan tidak mempunyai kesan sampingan yang boleh memudaratkan. Dr. Elvy Suhana adalah seorang pensyarah Anatomi di Fakulti Perubatan di samping memberi khidmat kepada Jabatan Farmakologi, di Pusat Perubatan UKM di Kuala Lumpur. Beliau juga adalah ahli kumpulan penyelidikan Metabolisme Tulang di bawah Nic Kesihatan dan Teknologi Perubatan UKM.



Dr. Elvy Suhana Mohd Ramli

# Roselle Merawat Kencing Manis

Oleh :Saiful Bahri Kamaruddin

Foto: Ikhwan Hashim



Pasukan Penyelidik Roselle UKM bersama Timbalan Naib Canselor (HEPA) UKM, Prof. Datin Nor Aziah Mohd Awal

**A**pa yang bermula sebagai satu program untuk mengkomersialkan tumbuhan roselle hampir 15 tahun yang lalu di UKM, kini berbaloi kerana ia menunjukkan hasil yang menggalakkan dalam penyelidikan bioperubatan terhadap penyakit kencing manis (diabetes).

Para penyelidik UKM Prof. Datuk Dr. Jamaluddin Mohamed, Prof. Madya Siti Balkis Budin dan lain-lain telah mendapati bahawa pati roselle (*hibiscus sabdariffa*), mulberi putih dan kapur barus boleh digunakan sebagai agen untuk mengurangkan kesan komplikasi utama terhadap pesakit kencing manis.

Prof. Jamaluddin dan Dr. Siti Balkis memberitahu bahawa mereka menjalankan kajian itu untuk mengetahui kesan anti-pengoksidaan pati morus alba (mulberi putih),

hibiscus sabdariffa (roselle) dan comiphora molmol (kapur barus) pada hati tikus yang dijangkiti kencing manis.

Kencing manis adalah satu penyakit metabolismik yang semakin merebak di seluruh dunia dan menjadi lebih sukar untuk dirawat kerana pelbagai komplikasi fizikal dan metabolismik. Tekanan oksidatif memainkan peranan penting dalam patogenesis daripada komplikasi diabetes.

Prof. Jamaluddin berkata diabetes boleh menyerang semua organ utama, termasuk hati dan organ-organ pembiakkan, terutamanya buah zakar yang menghasilkan air mani. Dr. Siti Balkis berkata mereka percaya roselle, mulberi putih dan kapur barus mempunyai potensi untuk merawat diabetes berdasarkan apa yang mereka temui.

Mereka menggunakan tikus yang dibahagikan kepada enam kumpulan. Tiga kumpulan yang diberikan roselle, mulberi putih dan kapur barus menunjukkan tanda-tanda penyembuhan selepas diberi ekstrak itu. Tiga kumpulan lain terdiri daripada tikus tanpa kencing manis yang telah diberikan larutan garam sebagai kawalan, tikus diabetik yang diberi larutan garam sebagai kawalan negatif dan tikus diabetik yang diberi etformin (ubat anti-diabetes yang dimakan) yang digunakan untuk merawat diabetes jenis-2.

Paras glukosa atau gula daripada tiga kumpulan yang tidak diberi pati tumbuhan tidak menurun dengan ketara selepas 28 hari rawatan, apabila dibandingkan dengan kumpulan yang diberi pati. Walau bagaimanapun, protein dan beberapa enzim anti-oksida telah didapati lebih tinggi

sedikit dalam kumpulan tanpa ekstrak tumbuhan.

Prof. Jamaluddin berkata pada tahun 1999 – apabila program roselle dimulakan di UKM - tiada siapa sangka roselle berpotensi untuk dikomersialkan.

“Roselle boleh mencapai kejayaan seperti CiliBangi pada masa akan datang,” katanya.

Beliau merujuk kepada tiga jenis cili, atau lada yang pertama kali dibiakkan oleh seorang penyelidik UKM pada tahun 1978. Menjelang tahun 2011, cilibangi menjadi tanda aras untuk mengukur kualiti dan cita rasa kepedasan di Malaysia dan telah berjaya secara komersial.

Prof. Jamaluddin berharap roselle juga mencapai kejayaan yang sama, walaupun usaha untuk

mengkomersialkannya sebagai minuman kordial kesihatan pada tahun 1990an telah gagal.

Usaha untuk mengkomersilkan roselle yang dipelopori oleh Universiti Malaya dan Jabatan Pertanian pada tahun 1990an di Terengganu tidak menerima sambutan menggalakkan kerana tiada sokongan pemasaran jangka panjang. Para pengguna pula tidak diberi maklumat yang jelas mengenai produk baru itu.

**“Roselle boleh mencapai kejayaan seperti CiliBangi pada masa akan datang.”**  
- Prof. Jamaluddin

Apabila menyertai UKM, Prof. Dr. Mohamad Osman dari Institut Penyelidikan dan Kemajuan Pertanian Malaysia (MARDI) ingin meneruskan usaha penyelidikan ke atas beras dan

buah-buahan. Walau bagaimanapun penyelidikan terhadap buah-buahan mengambil masa terlalu panjang dan dengan itu kurang diminati oleh pelajar terutama pelajar pasca-siswazah yang ingin menyelesaikan kajian mereka dalam tempoh ringkas. Maka beliau terpaksa mencari alternatif dan memilih roselle.

Tidak ada pembiayaan penyelidikan yang sedia ada, namun demikian Prof. Mohamad berikhtiar untuk meneruskan kajian dan sanggup berbuat apa sahaja untuk mencari tumbuhan yang akan dijual dengan laris pada masa depan. Beliau menemui kertas penyelidikan dari Eropah mengenai tumbuh-tumbuhan tropika yang mempunyai ciri-ciri anti-oksida, dan menduga roselle mempunyai masa depan yang cerah.

Sangkaannya itu berbaloi dan kini terdapat tiga jenis roselle ditanam di kampus Bangi berhampiran Institut Biologi Sistem (INBIOSIS).



# Buku Baru



Pengurusan Disiplin Pelajar Sekolah

2014

Penerbit UKM: Bangi


ISBN 978-967-412-227-0

(kulit lembut)

142 halaman

RM 30.00

Khalim Zainal



Kejayaan e-usahawan Wanita

2014

Penerbit UKM: Bangi

ISBN 978-967-412-095-5

(kulit lembut)


89 halaman

RM 20.00

Noorizan Abdul Razak

Pengurusan disiplin pelajar merupakan suatu isu yang sering menimbulkan masalah kepada guru-guru di sekolah. Ini kerana guru berhadapan dengan pelajar dalam jangka masa yang agak lama pada setiap hari dan memungkinkan pelajar menonjolkan pelbagai tingkah laku yang selari ataupun tidak dengan peraturan sekolah yang telah ditetapkan. Buku ini mengetengahkan isu-isu yang dihadapi oleh guru dalam melaksanakan tugas menguruskan disiplin pelajar.

Buku ini mengandungi himpunan kajian kes bagi 10 orang usahawan wanita yang bermiaga menggunakan fasiliti ICT. Kesemua usahawan ini adalah anak didik dan mendapat manfaat dari kursus pembangunan e-usahawan program 1nita yang dianjurkan oleh MyDomain Registry (MyNIC) dan Kementerian Sains Teknologi dan Inovasi (MOSTI) bersama UKM. Setiap bab mendokumenkan susah senang dan cabaran bermiaga secara maya dan bagaimana usahawan ini mengaplikasikan teknologi di dalam perniagaan.



Al-Simt al-Majid dalam Masyarakat

Alam Melayu

2014

Penerbit UKM: Bangi


ISBN 978-967-412-177-0

(kulit lembut)

140 halaman

RM 30.00

Disunting oleh: Salmah Ahmad & Mohd Syukri Yeoh Abdullah



Maritim Mersing-Warisan dan

Sosioekonomi

2014

Penerbit UKM: Bangi

ISBN 978-967-412-230-0

(kulit lembut)

222 halaman

RM 35.00

Disunting oleh: Mohd Samsudin, Lee Jen Nie & Fathul Karim Sahrani

Al-Simt Al-Majid adalah kitab yang masih berbentuk asal, belum dicetak, karya Shaykh Ahmad al-Qushashi, salah seorang ulama Haramayn dari abad ke-17 Masihi. Manuskrip ini adalah kitab yang menyentuh disiplin ilmu tarekat rohani yang meliputi pelbagai bidang, seperti tafsir, hadith, akidah, syariat, akhlak, tasawuf dan lain-lain. Sungguhpun Shaykh Ahmad Qushsahai belum pernah ke Alam Melayu, namun pemikiran karyanya mewarnai masyarakat Alam Melayu melalui murid-muridnya, Shaykh Abdul Rauf Singkel dan Shaykh Yusuf al-Makassari.

Buku ini adalah berasal daripada kumpulan artikel yang berasaskan kepada kajian yang dilakukan di Daerah Mersing, Johor. Bab-bab dalam buku ini disusun mengikut tema bagi memudahkan pemahaman mengenai perkembangan yang terdapat di Mersing. Tajuk yang dimuatkan adalah berkisar mengenai warisan sejarah dan budaya, pembangunan dan kesejahteraan penduduk di kawasan ini. Pada masa yang sama tajuk lain yang turut diberikan tumpuan adalah kelestraian kehidupan penduduk di Daerah Mersing dan kepulauan.

**Pembelian/Pesanan: Kedai Buku Penerbit UKM**

**Tel: 03-89213138 Emel: penerbit@ukm.my**